

09 JAN 1998

Mahathir-Ekonomi

DR MAHATHIR AJAK RAKYAT TANAM SIKAP YAKIN TERHADAP EKONOMI NEGARA

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ekonomi negara akan pulih ke tahap sederhana yang boleh diterima dalam tempoh enam bulan atau setahun jika rakyat menaruh kepercayaan dan keyakinan penuh terhadap nilai ringgit dan pasaran saham negara.

Perdana Menteri berkata walaupun dalam tempoh tersebut keadaan ekonomi tidak mungkin dapat kembali kepada keadaan asal iaitu sebelum kejatuhan nilai ringgit Julai lepas, beliau yakin tahap sederhana itu dapat dicapai jika rakyat mengamalkan beberapa langkah tertentu.

Antara langkah-langkah yang dicadangkan beliau ialah orang ramai mesti mempunyai kepercayaan kepada ekonomi negara.

"Kalau kita punyai 'confidence' dan kita tidak buat sesuatu yang merugikan umpamanya menukar ringgit kita dengan dollar Amerika atau matawang asing, maka kita akan mudah pulih kerana kita tidak menyebabkan nilai matawang kita jatuh sendiri," kata beliau dalam wawancara khas "Pengguna dan Ekonomi" dalam program Malaysia Hari Ini (MHI) terbitan TV3 hari ini.

Selain itu, Perdana Menteri berkata rakyat juga tidak harus membeli barangan import untuk mengurangkan penggunaan matawang asing.

Dr Mahathir berkata demikian sebagai menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh para penonton kepada beliau melalui faksimili dan e-mail kepada TV3 yang ingin tahu bila kegawatan ekonomi sekarang akan berakhir.

Perdana Menteri berkata rakyat harus menabung lebih banyak wang mereka dalam institusi-institusi kewangan tempatan supaya wang mereka dapat dijadikan sebagai bekalan wang kepada negara.

Beliau juga berkata rakyat harus mempunyai keyakinan terhadap institusi-institusi kewangan tempatan.

"Kalau kita buat demikian, saya yakin kita boleh pulih bukan ke tahap yang asal tetapi ke tahap sederhana yang cukup untuk kita, mungkin dalam jangka enam bulan atau setahun," kata beliau.

Sambil menjelaskan bagaimana nilai ringgit boleh jatuh, Dr Mahathir berkata situasi sekarang berbeza berbanding pada 1985 dan 1986 apabila negara menghadapi kemelesetan ekonomi.

Kata beliau, pada ketika itu nilai ringgit tidak jatuh "tetapi kali ini bila kita cuba pulih (ekonomi), mereka jual ringgit."

Mengenai faktor-faktor asing yang menyumbang atau menambah kepada masalah ekonomi negara, Perdana Menteri berkata ia tidak dapat dielak kerana ia "di luar daripada kuasa kita."

Bagaimanapun, beliau berkata ada perkara-perkara yang boleh dibuat oleh rakyat sendiri untuk memulihkan keadaan, antaranya mencari jalan untuk mengurangkan peranan matawang asing dalam ekonomi negara.

"Kita patut 'internalise'kan ekonomi (seperti membeli barangan tempatan di dalam negara)," kata beliau.

Untuk berbuat demikian, beliau berkata harga barangan tidak harus dinaikkan kerana ia akan menjejaskan pekerja yang berpendapatan tetap.

Beliau juga mencadangkan supaya rakyat Malaysia yang mempunyai harta di luar negara yang nilai matawangnya lebih tinggi daripada nilai ringgit supaya menjual harta-harta mereka dan menyimpan wang hasil penjualannya dalam matawang negara berkenaan di bank-bank milik Malaysia.

Perdana Menteri berkata wang asing itu kemudiannya boleh ditukar kepada ringgit jika ingin membeli barangan atau sebagainya.

Sambil mengakui bahawa memang rumit bagi rakyat untuk mendapatkan

kembali keyakinan mereka terhadap ekonomi negara, Dr Mahathir berkata mereka harus melawan perasaan itu demi kepentingan mereka dan negara.

"Asas ekonomi kita kukuh dan rakyat mesti ada kepercayaan pada ringgit dan pasaran saham kita," kata beliau.

Mengenai beberapa projek seperti Koridor Raya Multimedia (MSC) dan Sukan Komanwel '98, beliau berkata kerajaan telah menetapkan projek mana yang perlu diberi keutamaan dan yang mana patut ditangguhkan.

Katanya, temasya sukan kedua terbesar dunia itu tidak akan terjejas kerana kerajaan mempunyai komitmen untuk menjayakannya.

--BERNAMA

ES oba